

SK Pekan II, W.P Labuan Johan Peringkat Kebangsaan bagi Pertandingan Adiwira Nano 2020



Labuan – 15 Oktober 2020, Pusat Nanoteknologi Kebangsaan, Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim telah mengadakan Pertandingan Adiwira Nano 2020. Pertandingan ini terbuka kepada semua sekolah seluruh Malaysia dan terbahagi kepada dua kategori iaitu Kategori Sekolah Rendah dan Kategori Sekolah Menengah.

Tujuan pertandingan ini diadakan adalah untuk meningkatkan pengetahuan dan pemahaman pelajar sekolah dalam bidang nanoteknologi di samping mencungkil daya kreativiti dan inovasi para pelajar serta meningkatkan kepakaran mereka dalam teknik penyelesaian masalah. Pertandingan ini hanya perlu menghasilkan sebuah video berbahasa Melayu berdurasi tiga minit yang lengkap dengan plot cerita serta menyelitkan penggunaan aplikasi

teknologi nano dalam menangani masalah isu – isu sosial seperti pencemaran alam sekitar, masalah kesihatan, sumber tenaga dan sebagainya.



Tarikh tutup pertandingan ini adalah pada 31 Julai 2020. Berikut adalah maklumat berkaitan Team Nano SK Pekan II, WPL:

Tajuk Video: "MISI EJEN NANO"

Guru Pembimbing:

1. En.Mohamad Musa Bin Bakar
2. Cik Paula Peter

Krew (Pelakon):

1. Alexandra Hazel anak Robert Edward Ngayong sebagai Ejen Shine Shine,
2. Adi Putra sebagai Ejen Adi
3. Oystien Jeriel Rixferd @ Alberttilo sebagai watak penjahat.

Krew Kamera & Edit:

1. EN.Kanagarajah Nadarajah (GPB)
2. En.Ronny Supain (Pembantu)

Pencapaian: JOHAN KATEGORI SEKOLAH RENDAH PERINGKAT KEBANGSAAN 2020 (HADIAH WANG TUNAI BERJUMLAH RM2000.00 DENGAN SIJIL PENYERTAAN)

